




# SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 12 Zulhijjah 1443 / 12 Julai 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam adalah pada kadar purata kira-kira 1667 kes setiap hari. Sebanyak 65,240 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 17.8% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Jumlah kes di dalam Kategori 4 dan 5 terus berada di tahap yang rendah. Pada hari ini, sebanyak **2 kes** berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **3 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sepertimana dalam masa minggu-minggu sebelum ini, lebih 99% daripada kes-kes yang dikesan dalam masa satu minggu kebelakangan telah dikategorikan di dalam Kategori 1 atau 2 dan tidak memerlukan rawatan di hospital.

- iii) Sehingga kelmarin, 11 Julai 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut,
- **73.7%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin manakala **4.2%** juga telah mendapatkan dos keempat;
  - Sebanyak **77.2%** daripada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos kedua vaksin;
  - Manakala **51.3%** remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah mendapatkan dos ketiga vaksin.
2. Pada hari ini, sebanyak **2,012 kes baru** telah dilaporkan iaitu 2,001 kes hasil ujian ART dan 11 kes adalah hasil dari 244 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
3. Orang ramai adalah diingatkan untuk memuatnaik keputusan ujian ART, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth* untuk membantu Kementerian Kesihatan memantau situasi jangkitan.
4. Berikutan situasi jangkitan COVID-19 pada masa ini, dasar bagi pelawat di hospital-hospital Kerajaan adalah dikemaskini seperti berikut:
- i. Hanya dua orang pelawat sahaja dibenarkan bagi setiap pesakit pada setiap hari.
  - ii. Setiap pelawat adalah dikehendaki untuk mempunyai keputusan ujian ART yang negatif pada hari yang sama.

- iii. Pelawat yang dikategorikan sebagai kontak terdekat atau mereka yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah tidak dibenarkan untuk melawat walaupun keputusan ujian ART adalah negatif.
  - iv. Setiap penjaga atau pendamping pesakit hendaklah mempunyai keputusan ujian ART yang negatif pada hari yang sama.
  - v. Sesiapa yang dikategorikan sebagai kontak terdekat atau mereka yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah tidak dibenarkan untuk menjadi penjaga atau pendamping pesakit walaupun keputusan ujian ART adalah negatif.
  - vi. Ibu-ibu yang akan bersalin adalah dibenarkan untuk mempunyai seorang penjaga atau pendamping.
  - vii. Kebenaran khas boleh diberikan kepada ahli keluarga terdekat bagi pesakit-pesakit yang tenat melalui pihak pentadbiran di wad-wad berkenaan.
5. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 12 Zulhijjah 1443H / 12 Julai 2022